

Pemain hoki kebangsaan Olahragawan UPM ke-30

MUHAMMAD RAZIE ABD. RAHIM dan bekas perenang wanita negara, Chui Lai Kwan masing-masing muncul sebagai Olahragawan dan Olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-30 baru-baru ini.

Muhammad Razie merupakan pemain hoki kebangsaan dan pelajar tahun empat jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Perniagaan (Pembangunan Sumber Manusia) manakala Lai Kwan pula pelajar tahun empat jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Teknologi Makanan UPM.

Dengan kejayaan itu, Muhammad Razie dan Lai Kwan masing-masing menerima wang tunai RM1,500, piala, jam tangan, sijil dan blazer penghargaan daripada UPM.

Majlis sama turut menyaksikan pelajar tahun satu jurusan Ijazah Komunikasi Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan pemain ragbi negara, Zulkiflee Azmi dianugerahkan Olahragawan Harapan UPM. Anugerah tersebut disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Mohamad Shatar Sabran.

Selain itu, pelajar tahun dua jurusan Ijazah Sarjana Muda Kimia, Mathivani Murugesan yang juga bekas atlet negara dalam acara karate-do dinobatkan sebagai

Olahragawati Harapan 2013.

Anugerah Pengurus Cemerlang dan Jurulatih Cemerlang pula diberikan kepada Muhammad Al Amin Mustafha dan Mohd. Masran Mat Aris yang kedua-dua merupakan pengurus dan jurulatih pasukan bola sepak. Masing-masing membawa pulang hadiah seutas jam tangan dan sijil.

Sementara itu, anugerah Pasukan Cemerlang pula dimenangi oleh pasukan ragbi UPM manakala Anugerah Khas diberikan kepada 11 atlet yang terpilih antaranya, Leong Mun Yee (terjun), Cheong Jun Hoong (terjun) dan Wan Mohamad Khalim Wan Ab. Aziz (memanah).

Dalam senarai pemenang berikutnya, seramai 121 atlet pelajar UPM menerima Anugerah Putra Cemerlang (APC) dan 37 atlet menerima Anugerah Penghargaan Setia Bakti.

Antara yang menerimanya ialah Tunku Haifaa Tunku Osman (tenpin boling), Jessie Lee Jay See (bola tampar), Mohd. Hakimi Ismail dan Nurul Sarah Abdul Kadir (olahraga).

Majlis itu turut diserikan dengan kehadiran bekas Olahragawati Negara, Datuk Marina Chin.

- IKHWAN HAZWAN HAMIDUN



BANGGA. Muhammad Razie (kiri) dan Lai Kwan menunjukkan piala Olahragawan dan Olahragawati UPM ke-30 yang dimenangi baru-baru ini.